



Bernama

Georgetown

**S**ebanyak 10 kapal pukat tunda bersama hasil tangkapan ber nilai keseluruhan lebih RM3 juta disita melalui operasi Ops Rentas dilakukan Jabatan Perikanan.

Tindakan diambil selepas semua kapal itu didapati menceroboh zon larangan penangkapan ikan

di perairan Kedah dan Pulau Pinang pada 11 Mei lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) Jabatan Perikanan (DOF) Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, seramai 34 kru dan tekong membabitkan empat rakyat tempatan, 28 warga Thailand serta masing-masing seorang rakyat Kemboja dan Laos berrusia antara 23 hingga 65

# Tangkap ikan di zon larangan

HM 15/05 | 24 m/s T

**34 kru ditahan, 10 kapal pukat tunda bersama hasil tangkapan RM3j disita dalam Ops Rentas**

tahun turut ditahan.

"Kesemua kapal itu didapati menceroboh zon larangan penangkapan ikan bagi kapal komersial dengan menjalankan aktiviti menangkap ikan di kawasan taman laut di perairan Taman Laut Pulau Payar di Kedah dan Perairan Mukahhead hingga ke Perairan Gertak Sanggul di Pulau Pinang.

"Kapal itu juga beroperasi kurang 15 batu nautika

dari daratan terhampir. Pemilik bot turut menghalang tugas pegawai penguatan kuasa dan menutup nombor pendaftaran bagi mengaburi pihak berkuasa," katanya di Pangkalan Konservasi dan Perlindungan Sumber Batu Maung, di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang Zarina Zainuddin dan Pengarah Perikanan Negeri Kedah Pang Anak Nyukang.

Wan Muhammad Aznan berkata tujuh daripada kapal berkenaan ditahan di Jeti Lembaag Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Batu Maung manakala tiga lagi di Jeti Ku-

la Kedah.

"Turut disita kelengkapan peralatan menangkap ikan berjumlah RM3 juta manakala tiga tan ikan yang disita telah dilelong dengan nilai RM10,000," katanya.

Tindakan itu diambil mengikut Perenggan 8(b), Perenggan 43(1)(a), Seksyen 53 dan Sub-peraturan 10(3) Peraturan-Peraturan Perikanan (Kelayutan) (Pelelesaan Vesel Penangkapan Ikan) 1985.

Beliau berkata, mulai 1 Jun ini, setiap kapal Zon C diwajibkan untuk memasang Mobile Tracking Unit (MTU) bagi membolehkan

pengesanan dibuat terhadap setiap pergerakan dan kedudukan bot yang berdaftar dengan DOF.



WAN Muhammad Aznan (dua dari kiri) menunjukkan sebahagian daripada 10 bot pukat tunda yang dikategorikan dalam Zon C yang disita.